

9 JAN 1996

Cuepacs-Gaji

TUNGGAKAN GAJI SEBELUM HARI RAYA, KATA PM KEPADA CUEPACS

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan membayar tunggakan pelarasan gaji kepada 840,000 kakitangan awam sebelum Hari Raya Puasa ini, kata Presiden Cuepacs Mohamad Mat Jid.

Beliau berkata Perdana Menteri memberikan jaminan itu kepadanya selepas Dr Mahathir merasmikan Konvensyen Cuepacs ke-20 di sini hari ini.

Mohamad berkata Perdana Menteri telah berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan telah meminta JPA menyiapkan pelarasan gaji tersebut sebelum Hari Raya Puasa Februari ini.

"Kita yakin dengan jaminan Perdana Menteri dan berharap kesemua kakitangan awam akan menerima pelarasan gaji dan tunggakan mereka sebelum Hari Raya," katanya kepada pemberita selepas upacara perasmian itu.

Beliau berkata Cuepacs sedia menemui JPA untuk sebarang perbincangan mengenai perkara itu jika diminta berbuat demikian.

Ketua Pengarah JPA Datuk Dr Mazlan Ahmad pula berkata semua kakitangan awam akan menikmati kenaikan yang adil berdasarkan pelarasan gaji ini.

Katanya peruntukan RM2,000 juta yang disediakan untuk pembayaran bagi pelarasan gaji itu akan diagih-agihkan secara adil di kalangan kakitangan awam.

"Tidak ada kumpulan yang akan mendapat bahagian yang terlalu besar," kata Mazlan kepada pemberita di majlis yang sama.

JPA, kata beliau, sentiasa berpegang kepada formula bahawa agihan itu perlu dinikmati secara saksama oleh semua kakitangan.

Mazlan berkata jabatan itu menghadapi kesukaran melaksanakan formula itu.

"Yang kita maksudkan ialah supaya keadilan harus meliputi semua...sebab itu kita mahu menentukan tidak ada sesiapa pun yang tersisih secara sengaja," kata beliau.

Dalam tuntutananya, Cuepacs mahukan kenaikan antara 29 dan 41 peratus bagi kumpulan berpendapatan rendah (yang masih dikenali sebagai Kumpulan D), 12 dan 15 peratus kepada Kumpulan C, serta 8 dan 10 peratus untuk Kumpulan B. Ketiga-tiga kumpulan ini kini dikenali sebagai Kumpulan Sokongan.

Cadangan Cuepacs bagi kumpulan pengurusan dan profesional (dahulunya Kumpulan A) ialah antara 2.5 peratus dan 5.8 peratus.

"Komputer-komputer JPA bekerja lebih masa bagi menjamin keadilan. Beratus-ratus kombinasi dan formula digunakan untuk menentukan semua orang mendapat bahagiannya yang adil," kata Mazlan, sambil menjelaskan beliau akan mengemukakan cadangan balas mengenai pelarasan itu kepada Perdana Menteri "dalam sedikit masa lagi".

"Perdana Menteri tahu mengenai prinsip yang kami gunakan untuk pengagihan ini," katanya. -- BERNAMA